

KE ARAH PEMBENTUKAN ‘AQLIYYAH *ŪLŪ AL-ALBĀB*

Oleh Prof. Dr. Mohd Kamal Hassan
ISTAC, UIAM

A. CABARAN – CABARAN SEMASA DAN MASA DEPAN DUNIA

1. “The Age of Turbulence” (Alan Greenspan, 2008)

Dunia kini sedang menghadapi suatu zaman penuh ketidakpastian, gelora dan badai, yang bukan sahaja menggoncangkan sistem ekonomi dan kewangan global, tetapi juga sistem politik, sistem sosial, sistem budaya dan sistem pendidikan yang semuanya tidak berlandaskan panduan-panduan hidup beragama. Dunia yang bergelora dengan kemungkinan pencairan ekonomi (*economic meltdown*) dan skandal-skandal kewangan skala besar – dengan runtuhnya syarikat-syarikat gergasi dan bank-bank di Amerika Syarikat dan Eropah – menunjukkan betapa lemahnya sistem nilai, pandangan hidup dan etika pengurusan manusia moden dalam sistem-sistem konvensional yang berpegang kepada kepintaran akal bebas manusia semata-mata.

2. Penyakit Sosial & Budaya yang Semakin Kronik

Suatu gejala penyakit sosial dalam masyarakat Islam yang amat serius dan membimbangkan pemimpin-pemimpin negara dan para ulamak dan cendekiawan Muslim hari ini ialah meluasnya gejala perhubungan seks bebas, penyalahgunaan dadah, amalan buang bayi hidup-hidup, meningkatnya budaya hiburan yang hedonistik dan jenayah alam siber yang menjadi-jadi. Selain daripada pengaruh hedonisme, masyarakat Islam semakin terdedah kepada aliran pemikiran liberalistik, materialistik dan sekularistik. Disamping itu negara juga berhadapan dengan budaya korupsi yang meluas yang melibatkan golongan pemimpin, golongan atasan, golongan

*Kertas Kerja yang disampaikan dalam Seminar Antarabangsa Memperingati 100 Tahun Majlis Agama Islam Kelantan yang diadakan di Kota Bharu, Kelantan pada 16 Jun 2012.

korporat dan pegawai kerajaan yang menunjukkan betapa lemahnya sistem integriti individu, bangsa dan sistem perundangan negeri-negeri tersebut.

3. Cabaran Globalisasi dan Modal Insan Melayu Bermutu Tinggi

Berhadapan dengan cabaran-cabaran globalisasi yang menuntut daya persaingan yang kuat, inovatif dan kompetitif, modal insan Melayu yang bermutu tinggi, bersepadu, serta syumul untuk menangani tuntutan perubahan zaman amat diperlukan. Antara lain, masyarakat Muslim harus mempunyai keupayaan berdikari, berkarya dan bersaing dengan bangsa lain, keupayaan berbahasa lebih dari satu, keupayaan keusahawanan yang kemaskini, keupayaan berfikir inovatif dan kreatif melalui pengetahuan sains, teknologi dan agama, keupayaan dan kesedaran menjadi warga sosio-ekonomi global tanpa menjejaskan jati-diri keMelayuan-keIslaman, kemahiran tinggi dengan akhlak yang terpuji, kesedaran berada dalam persaudaraan Ummat Islam sejagat, persaudaraan kebangsaan dan kemanusiaan sejagat, serta keupayaan menghargai dan menghormati kejayaan, kemajuan budaya dan etika bangsa-bangsa lain.

4. Manifestasi Kecemerlangan Ilmu Tanpa Kecemerlangan Budi: Beberapa Contoh Umum

- Negara mencapai kehebatan dalam kemajuan sains, teknologi dan ekonomi, tetapi rendah akhlak dan budi pekerti dan merestui kezaliman atau ketidakadilan berkembang didalam negeri atau diluar nergara.
- Negara terkenal dalam bidang penulisan, penerbitan dan penyelidikan tetapi tidak peduli nasib masyarakat miskin, melarat atau kemusnahan alam sekitar.
- Berkembangnya barah komersialisasi dalam universiti-universiti di dunia hari ini.
- Banyak keluhan sarjana-sarjana yang mempunyai budi yang luhur.
- Negara kaya dan kuat, tetapi bumi dan udara dicemari sehingga membawa kepada krisis alam sekitar paling merisaukan hari ini. Ternyata kemodenan sekular telah membawa malapetaka di dunia.

- Negara menjadi jaguh dalam penyelidikan angkasa lepas, contohnya, tetapi membiarkan masyarakat yang kaya atau negara yang kuat menindas atau mengeksploitasi golongan atau bangsa yang tidak berada atau yang tidak berpegang kepada ideologi yang sama.

5. Manifestasi Kecemerlangan Budi Tanpa Kecemerlangan Ilmu: Beberapa Contoh Umum

- Masyarakat mempunyai budi pekerti dan tingkah laku yang baik tetapi sangat rendah pencapaian ilmu sains dan teknologi, membawa kepada budaya bergantung kepada negara atau masyarakat yang lebih kaya, produktif, inovatif dan kreatif. Akhirnya bangsa menjadi peminta sedekah. Bangsa Melayu terus menjadi bangsa pengguna dan pengekor di belakang negara yang maju sains dan teknologinya.
- Masyarakat atau komuniti yang mempunyai sifat mudah belas kasihan dan merendah diri yang tidak diimbangi oleh ketinggian budaya ilmu dan ilmiah boleh menjadikan suatu bangsa itu mangsa penjajahan, globalisasi ekonomi dan politik dan neoimperialisme budaya.
- Kekayaan sumber alam tidak dapat diolah sendiri kerana ketiadaan kepakaran dalam bidang-bidang sains dan teknologi-teknologi tertentu.

6. Kecemerlangan Tanpa Ruh: Suatu Tragedi Universiti Unggul Masa Kini

Buku *“Excellence without a Soul: How a Great University Forgot Education”* (Harvard Univ. Press, 2006) oleh Prof. Harry Lewis (mantan Dekan Universiti Harvard selama 32 tahun), menjelaskan bahawa penyelidikan di bawah arahan negara dan industri tidak pedulikan kesan-kesan negatif kepada masyarakat. Profesor-profesor sibuk mengejar dana penyelidikan dan lupa tugas pendidikan dan pengajaran. Rektor/ Presiden/ Naib Canselor sibuk dengan usaha

menambah kekuatan kewangan universiti untuk mendapat *ranking* tinggi. Isu-isu pelajar tidak dihiraukan dan bertambah buruk. Terdapat pensyarah dan professor yang mempunyai akhlak yang buruk, mementingkan diri sendiri, memandang rendah kepada orang lain yang tidak menyanjung mereka, dan sikap membenci nilai-nilai agama dan etika. Terdapat juga hasad dengki, politicking dan mengejar pangkat dengan cara yang tidak beretika.

B. KEMURNIAN INTELEK MODEL ŪLŪ AL-ALBĀB SEBAGAI FAKTOR PENYELAMAT

Sebagai suatu model keintelektualan yang sempurna, syumul dan rabbani, sudah sewajarnya istilah “*ūlū al-albāb*” (selepas ini diganti dengan perkataan UA sahaja) dipopularkan dalam masyarakat Islam khususnya dan masyarakat bukan Islam amnya. Disaat dunia sedang menghadapi suatu krisis besar peradaban moden yang menyerlahkan kegagalan-kegagalan Projek Moderniti yang dianjurkan oleh tamadun Barat, pasca zaman Enlightenment, dan kepincangan-kepincangan sains naturalistik yang menjadi penggerak utama moderniti sekular – tanpa menafikan kehebatan produk-produknya yang bermanfaat dan kemajuan teknologi yang menakjubkan — kemunculan generasi ilmuwan dan intelektual yang menyatukan ilmu agama dan ilmu sains, fikir dan zikir, dunia dan akhirat, wahyu dan akal, professionalisme yang mantap dan kerohanian yang mendalam, serta keperibadian yang bersih daripada penyakit-penyakit hati yang *madhmūmah* dan *muhlikāt*, amat diperlukan sebagai pemimpin-pemimpin transformasi masyarakat, negara, budaya dan peradaban. Mereka beriltizam dengan profesi akademik dan budaya ilmu tetapi disirami oleh sifat-sifat terpuji (*mahmūdah*): iman dan *taqwa* kepada Allah S.W.T, jujur, ikhlas, penyayang, adil, rendah diri, berbeza dengan sifat-sifat tercela (*madhmūmah*): angkuh, egoistik, tidak amanah, riyak, ujub, cinta kesenangan duniawi, gila pangkat, kaki bodek, mengejek ajaran dan nilai-nilai agama.

Bagi tujuan memudahkan masyarakat awam dan juga masyarakat bukan Islam memahami dan mendekati wacana ilmiah Islam, mungkin ada baiknya digunakan ungkapan “intelekt murni” atau ungkapan lain yang lebih tepat dengan makna UA dalam interaksi dan dialog antar-agama, dengan harapan orang-orang yang tidak mendalami pengetahuan agama dan yang berada diluar tamadun Islam dapat sama-sama memberikan apresiasi serta ikut melakukan pemurnian akal yang dianjurkan al-Qur’an al-Karim. Mudah mudahan mereka pun boleh sampai kepada kebenaran-kebenaran metafizikal disebalik fenomena-fenomena alam tabi’i. Pendekatan ini dirasakan penting kerana konsep UA, pada hemat penulis, merupakan suatu metafora penting kepada suatu Paradigma Ilmu Pengetahuan Alternatif yang Islam tampilkan kepada manusia seluruhnya, sejak diwahyukan gagasan dan perintah Ilahi yang maha agung --“IQRA’ B’ISMI RABBIKA ‘LLADHĪ KHALAQ....” yang melancarkan buat pertama kali *manhaj keintelektualan rabbani* yang dipopularkan zaman kini dengan ungkapan “Islamisasi ilmu pengetahuan manusia (*islamiyyat al-ma‘ārif al-insāniyyah*)”.

PENGERTIAN ŪLŪ AL-ALBĀB

Perkataan *albāb* ialah kata jamak daripada perkataan *lubb* yang berarti “akal” atau inti sesuatu. Dalam bahasa Arab apabila disebut “*lubb al-rajul*”, ia merujuk kepada “akal” yang terdapat dalam hatinya (*mā ju‘ila fī qalbihi min al-‘aql*) (Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*; jld, 730; al-Ṭabarī, *Jāmi‘ al-Bayān*: 120). Akal merupakan intipati insan (*khulāṣat al-insān*) dan apabila ia dibersihkan daripada sebarang pengaruh *hawā* dan unsur-unsur imaginasi subjektif atau khayalan individu ia dikatakan sebagai *lubb* (al-Zabīdī, *Tāj al-‘Arūs*: 475, al-Qurṭubī, *Tafsīr al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur’ān* (www.altafsir.com/tafsir, rujukan 21Okt 2009).

Ulamak tafsir pada umumnya sepakat mengatakan bahawa pengertian ringkas UA ialah “mereka yang mempunyai akal”. Al-Ṭabarī dalam tafsīr *Jāmi‘ al-Bayān fī Tafsīr al-Qur’ān* mengatakan bahawa *ūlū al-albāb* berarti “mereka yang mempunyai akal yang unggul (*ashāb al-‘ūqūl al-kabīrah*)” (h.470). Al-Zamakhsharī dalam *al-Kashshāf*nya mengatakan bahawa *ūlū al-albāb*, antara lain, adalah “mereka yang beramal menurut tuntutan akal mereka, lalu mereka melakukan refleksi dan pemikiran yang rasional.” (h.494). Al-Rāzī dalam *al-Tafsīr al-Kabīr* mengatakan bahawa ungkapan “*ūlū al-albāb*” adalah ungkapan pujian dan apresiasi (*al-madh wa al-thanā*) Ilahi kepada mereka yang menggunakan akal dengan sebaik-baiknya. Ungkapan “*Yā ūlī al-albāb*” dalam al-Qur’ān disamakan dengan “*ya ūlī al-‘ūqūl*” (h.145) dan “*ūlū al-albāb*” diertikan dengan “mereka yang memilik akal yang sempurna” (*dhū al-‘ūqūl al-kāmilah*) (h.155). Ternyata satu penghormatan yang beasr dan martabat yang tinggi (*al-sharaf al-āzīm*,) (*al-martabat al-‘āliyah*) diberikan kepada mereka. Suatu tafsiran al-Rāzī yang menarik dan unik tentang akal muncul ketika ia membandingkan ayat 164 dalam Sūrah al-Baqarah yang diakhiri dengan kata-kata “*li-qaumin ya‘qilūn*” dengan ayat 190 dari Sūrah Āl ‘Imrān yang menyebut “*li-ūlī al-albāb*”.

Beliau berkata, disebut *ūlī al-albāb* dalam Sūrah Āl ‘Imrān, meskipun maudhuk pokok yang di bicarakan dalam kedua-dua ayat itu sama, ialah “kerana akal mempunyai aspek luaran (*zāhir*) dan aspek dalaman (*lubb*), maka permulaan sesuatu perkara menjadikanya ‘*aqlan*, dan pada tahap yang lebih sempurna, jadilah ia *lubban*.” Namun, kata beliau, “inilah yang datang pada fikirannya dan Allah lebih mengetahui rahsia-rahsia KalāmNya Yang Agung, Maha Mulia dan Maha Bijaksana.” (*Fa-hādhā mā khaṭara bi-al-bāl wa Allāh a‘lam bi-asrār kalāmihī al-‘azīm al-karīm al-ḥakīm*) (h.110).

Ibn Kathīr dalam *Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm* menerangkan makna *ūlū al-albāb* sebagai “akal-akal yang sempurna dan suci yang memahami perkara-perkara berserta hakikat-hakikatnya dengan carayang sejelas-jelasnya’ (*al-‘uqūl al-tāmmah al-zakiyyah allatī tudriku al-ashyā’ bi-ḥaqā’ihā ‘alā jaliyyātihā*) (www.al-islam.com/tafseer, rujukan 14 Oktober 2009). Pada pandangan beliau, “sesungguhnya yang memahami, memikirkan dan mendalami makna-makan [sesuatu perkara] dengan cara yang paling tepat ialah mereka yang mempunyai akal-akal yang sempurna dan kefahaman-kefahaman yang benar dan lurus” (*ūlū al-‘uqūl al-salīmah wa al-afhām al-mustaqīmah*) (www.altafsir.com/ Tafasir, rujukan 21 Oktober 2009)

Al-Alūsī dalam *Tafsīr Rūḥ al-Ma‘ānī* menerangkan bahawa *ūlū al-albāb* ialah “mereka yang memiliki akal-akal yang bersih daripada kotoran-kotoran perasaan dan imaginasi-imaginasi yang salah” (*ashāb al-‘uqūl al-khālīṣah ‘an shawā’ib al-ḥiss wa al-wahm*) (www.altafsir.com.tafasir, rujukan 19 August 2009). Akal-akal mereka telah dibersihkan daripada sebarang tendensi “kearah hawa nafsu yang menyelewang dan mengeruhkan” (*Ilā al-ahwā’ al-zā’ighah al-mukaddarah*). (www.altafsir.com/Tafasir; rujukan 21 Oktober 2009).

Al-Shaukānī mentakrifkan *ūlū al-albāb* sebagai “mereka yang mempunyai akal-akal yang sihat dan suci daripada unsur-unsur yang merosakkan dan melemahkannya’ (*ahl-‘uqūl al-saḥīhah al-khālīṣah ‘an shawā’ib al-naqṣ*). Di halaman yang lain beliau mentakrifkan *albāb* sebagai “akal-akal yang suci murni” (*al-‘uqūl al-khālīṣah*). (www.altafsir.com; rujukan 14 Oktober 2009). Ibn ‘Ashūr dalam *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr* menterjemahkan sebagai “akal-akal yang sempurna” (*al-‘uqūl al-kāmilah*) (www.altafsir.com; rujukan 19 Ogos 2009). Pada pandangan Sayyid Qutb dalam *Fī Zilāl al-Qur’ān*, *ūlū al-albāb* adalah “orang yang memiliki pemikiran dan pemahaman yang benar” (*ūlū al-idrāk al-ṣaḥīḥ*) (Jld. 2, h.188).

Bapak HAMKA dalam *Tafsir al-Azhar* menterjemahkan *ulū al-albāb*, sebagai: “orang-orang yang mempunyai inti fikiran”, “orang-orang yang mempunyai fikiran dalam”, “orang-orang yang berfikir”, “orang-orang yang berakal”, “orang-orang yang berfikiran dalam (yang mempunyai inti-fikiran)”.

Shaikh Abdullah Basmih, dalam *Pimpinan al-Rahman*nya menterjemahkan sebagai: “orang-orang yang menggunakan akal fikirannya (h. 87), “orang-orang yang berfikiran” (h. 96), “orang-orang yang berakal fikiran” (h.55), “orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya)” (h.62).

Dalam bahasa Inggeris, Abdullah Yusuf Ali (*The Holy Qur'an*), Marmaduke Pickthall (*Holy Qur'an*), Zafar Ishak Ansari (perterjemah *Tafhim al-Qur'an* oleh Mawdudi), M. Taqi ud-Din al-Hilali dan Dr. Muhammad Muhsin Khan (*The Noble Qur'an*) menggunakan ungkapan “*men of understanding*” tetapi Muhammad Asad (*The Message of The Qur'ān*) menggunakan “*The ones endued with understanding*” atau “*endowed with insight*”.

Kita dapat membuat kesimpulan ringkas tentang ‘aqliyyah atau mentaliti dan cara berfikir UA daripada kajian konteksualisasi istilah UA dalam 16 ayat at-Qur’an itu, sekurang-kurangnya seperti berikut:

(1) Menjadikan para Nabi dan Rasul Allah (S.W.T) sebagai contoh tauladan utama.

Dalam menanggapi kisah-kisah sejarah hidup dan perjuangan Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul, UA mencari dan mengenal pasti pelajaran-pelajaran moral dan kerohanian (*‘ibrah*) untuk dihayati. (Q.12:111)

(2) Menerima seluruh al-Qur’an sebagai Kebenaran Mutlak daripada Allah (S.W.T).

Sikap UA terhadap al-Qur'an, terutama ayat-ayat *mutashabihāt*nya, ialah sikap yang terbit daripada hati yang tidak di hinggapi penyakit-penyakit penyelewengan (*zaighun*), suatu sikap yang dimiliki oleh mereka yang dalam kefahaman agamanya--- mereka terima tanpa ragu-ragu bahawa seluruh al-Qur'an itu datangnya daripada Allah (S.W.T). (Q.3:7, 2:269; 14:52).

- (3) Sentiasa ingat bahawa segala yang di bawa oleh Rasul (S.A.W.) adalah kebenaran mutlak (*al-Haqq*) dan berpegang teguh kepada Perjanjian dengan Allah (S.W.T).**

UA, tidak seperti orang-orang yang buta hatinya, tahu dan sentiasa ingat bahawa apa yang diajarkan oleh Nabi Muhammad (S.A.W.) adalah kebenaran yang datang daripada Allah (S.W.T.) (Q.13:19, 38:29, 39:9).

- (4) Tahu memilih pandangan yang terbaik bersandarkan *hujjat al-‘aql*.**

Dalam menanggapi nasihat, pandangan atau hujjah, UA terlebih dahulu mendengar apa yang datang daripada Allah (S.W.T) secara ikhlas, lalu mereka memilih yang terbaik untuk dijadikan tauladan. (Q. 39:18).

- (5) Mengambil peringatan daripada musibah yang menimpa para Anbiyā' berdasarkan *naẓar* dan *istidlāl*.**

Kisah penderitaan Nabi Ayyub (A.S.) dan respons Allah (S.W.T.) terhadap kesabaran Nabi Ayyub (A.S.), menjadi pengajaran dan peringatan (*dhikrā*) kepada UA(Q. 38:43).

- (6) Tahu mengambil pengajaran daripada fenomena pertumbuhan, penurunan dan kemusnahan dalam alam tabi‘i. Tidak tertipu dengan kemajuan kebendaan.**

Proses-proses alamiah yang selalunya bermula dengan pertumbuhan, kesuburan dan keberhasilan, namun pada akhirnya semua yang subur itu akan menemukan

kemusnahan menjadi pengajaran dan peringatan (*dhikrā*) yang mendalam kepada UA (Q.39:21).

(7) Wahyu Ilahi menjadi petunjuk dan peringatan utama.

Sejarah perjuangan dan kejayaan Nabi Musa (A.S.) dan keangkuhan Fir'aun yang membawa kepada kekalahan dan kegagalan golongan yang zalim itu menjadi petunjuk (*hudan*) dan peringatan (*dhikrā*) kepada UA (Q.40:54).

(8) Berfikir dan bertindak atas dasar Taqwa kepada Allah (S.W.T).

Akal yang suci dan murni, sebagaimana yang dimiliki oleh UA tetap memerlukan sikap *TAQWĀ* kepada Allah (S.W.T), kerana ketaqwaanlah yang akan membawanya kepada kejayaan dan keberuntungan yang hakiki dan abadi, iaitu *AL-FALĀḤ*. Jadi, UA tidak terlepas daripada keperluan kepada sikap dan nilai *TAQWĀ* dalam setiap tindak tanduk mereka, baik yang berlaku dalam persekitaran rumah tangga, hidup bermasyarakat, bernegara atau bertamadun (Q.5:100, 10:65).

(9) Mengkaji fenomena alam tabi'ī sebagai Ayat-Ayat Allah.

Keunikan intelek murni UA yang lainya ialah mereka bukan sahaja mendalami makna wahyu yang terdapat dalam kitab-kitab Allah (S.W.T) yang tertulis seperti Taurah, Zabur, Injil dan al-Qur'an, tetapi pada masa yang sama mereka memikirirkan secara mendalam (*yatafakkarūn*) serta mengkaji secara teliti kejadian alam semesta dengan segala proses alamiah dalam kosmos yang fizikal ini untuk sampai kepada hakikat-hakikat metafizikal yang tidak terjangkau oleh pandangan-pandangan alam (*al-taşawwur, worldview, Weltanschauung, al-naẓar fī al-ḥayāh, ru'yat al-'ālam*, dll.) rasionalisme sekular, empiricisme, naturalisme, materialisme dan positivisme (Q 3:190; bandingkan dengan 2:164 yang diakhir dengan "*li-qaumin ya'qilūn*").

(C) PENTINGNYA MENGENAL FENOMENA ALAM TABI'Ī TERMASUK DIRI MANUSIA

Kegemilangan tamadun Islam selama hampir sembilan ratus tahun (700-1600 Masehi) disebabkan, antara lain, oleh penguasaan ilmuan Islam dalam bidang-bidang ilmu alam tabi'ī seperti matematik, fizik, biologi, astronomi, kimia, perubatan, geografi, pertanian, alam bina, ilmu pelayaran, sosiologi, antropologi, dan lain-lain.

Dalam bab “*Ishādat al-Qur’ān bi ūli al-Albāb wa al-Nuhā*” dalam bukunya *al-‘Aql wa al-‘Ilm fī al-Qur’ān al-Karīm* (1996), Dr. Yūsuf al-Qarāḍāwī menerangkan dengan panjang lebar sifat-sifat UA yang terpancar dari konteks 16 ayat al-Qur’an itu. Beliau merujuk beberapa kali kepada kitab tafsir al-Biqā’ī yang memberi takrif UA sebagai “*al-‘uqūl al-ṣāfiyah wa al-afhām al-nayyirah al-khālīṣah*”. (akal-akal murni dan kefahaman-kefahaman yang amat cerah dan suci) h.23).

Al-Qarāḍāwī menerangkan bahawa ayat 2:269 menunjukkan UA sebagai mereka yang paling layak mendapat *ḥikmah* daripada Allah (S.W.T.) kerana “mereka tahu meletakkan sesuatu pada tempatnya dan memberikan hak kepada semua yang berhak” (h.24). Setelah menganalisa makna-makna dalam 16 ayat al-Qur’an dalam mana kalimah UA tersebut, beliau membuat kesimpulan berikut: “[Ayat-ayat itu] menunjukkan sejelas-jelasnya (*bi-ghāyat al-wuḍūḥ*) tentang keintelektualan al-Qur’ān dan keintelektualan mesejnya (*‘aqlāniyyat hādhā al-Qur’ān wa ‘aqlāniyyat risālatih*)” (h.28). Demikian juga makna *ūlū al-nūhā* (Q. 20:53. 54. 127) sama dengan UA dan digunakan dalam konteks bermuamalah dengan alam tabi'ī dan mengambil manfaat daripada sumber bumi, air dan haiwan ternakan (h.29).

Sebagaimana yang sudah dimaklumi, sifat-sifat ketauhidan dan ketaqwaan UA terpancar dengan jelas dan indahnyanya dalam ayat-ayat 191-194 Sūrah Āl ‘Imrān. Intelek murni UA menyatukan dengan cara yang harmonis sekali *dhikru’Llāh* yang berterusan dalam semua situasi dengan pemikiran dan penganalisan yang mendalam (*tafakkur*) tentang proses kejadian segala yang wujud di langit dan dibumi. Gabungan dan pengintegrasian kalbu yang suci dan akal yang murni membuahkan kesedaran dan sikap yang terlukis dalam kata-kata: “*Rabbanā mā khalaqta hādha bāṭilan subḥānaka faqinā ‘adhāb al-nār*”— suatu pengiktirafan tentang wujudnya tujuan Ilahi dalam seluruh kosmos yang menakjubkan ini; suatu pengitirafan ilmu yang menimbulkan kesedaran moral bahawa sebarang penyelengawan atau penyalahgunaan sumber-sumber alam tabi‘i yang bertentangan dengan hukum Allah (S.W.T) boleh membawa kecelakaan di Hari Akhirat.

‘Aqliyyah UA justeru mempunyai pandangan yang jauh dan wawasan ukhrawi bahawa setiap hasil kerjanya dan tindak tunduknya berhubung dengan alam semesta di dunia ini pasti mempunyai akibat – baik atau buruk – di Hari Pembalasan. Mereka amat mengharapkan agar mereka dapat mengakhiri hayat mereka di dunia yang fana ini bersama orang-orang yang banyak berbuat bakti. ‘Aqliyyah UA ternyata lahir dari intelek yang amat bimbang, bukan terhadap pertimbangan atau sanjungan manusia, tetapi terhadap pertimbangan negatif atau kemurkaan Ilahi yang membawa kepada kehinaan yang paling memalukan di hadapan Allah (S.W.T) di Hari Pembalasan. Oleh yang demikian UA merupakan golongan intelektual dan ilmuwan yang paling sedar akan identiti kehambaan mereka yang sentiasa merendah diri dan mengharapkan kasihan belas dan pengampunan Pemilik mereka Yang Maha Mengetahui, andainya amalan dan karya keilmuwan mereka bakal mendatangkan kehinaan (*khizyun*) atau penolakan yang paling menyedihkan di Hari Kemudian. Sudah pasti UA bukanlah ilmuwan atau cendikiawan yang

dihinggapi oleh penyakit ujub atau inginkan sanjungan dan pujian manusia kerana merasakan kehebatan yang terdapat pada dirinya yang termasuk dalam perkara-perkara *muhlikāt* yang boleh menghancurkan atau merosakkan keikhlasan para ilmun. (al-Ghazālī, *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn* buku ketiga).

Perbandingan Dua Ayat Penting berikut:

}

{

(al-Baqarah:164)

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.”

{

}

(Āl ‘Imrān:190)

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal.”

Apabila dibandingkan ayat 190 Āl ‘Imrān dengan ayat 164 Sūrah al-Baqarah, jelaslah kepada kita bahawa mesej kedua-dua ayat itu hampir serupa. Cuma dalam Sūrah al-Baqarah

mesej tentang alam tabi'i dipanjangkan dan diperincikan. Penekanan kepada alam tabi'i yang menjadi objek ilmu sains moden dan kajiannya mempunyai impak yang sangat penting kepada ruang lingkup dan kurikulum pendidikan yang Islamik, sebagaimana diterangkan oleh al-Marhum Sayyid Qutb:

“Ia (al-Qur'an) datang dengan membawa hakikat yang amat dalam, bahawa alam semesta ini sendiri ialah sebuah kitab terbuka (*kitāb maftūḥ*), yang membawa dalam dirinya petunjuk-petunjuk dan tanda-tanda kearah iman yang sebenar....” (*Fī Zilal al-Qur'ān*, 186).

UA, kata Sayyid Qutb, tidak akan melalui “Kitab Terbuka” ini dengan tanda-tandanya yang terang benderang ini dengan mata yang tertutup. Sayyid Qutb telah menghuraikan hakikat alam semesta (*ḥaqīqat al-kaun*) menurut al-Qur'an dalam kitabnya *Muqawwimāt al-Taṣawwur al-Islāmī* yang **merupakan antara karya yang terawal dalam abad ke 20 yang menejalaskan makna pandangan semesta Islam atau (worldview Islam)**, berdasarkan metodologi Qur'ani atau *al-manhaj al-qur'ānī*. Dengan penjelasan beliau bahawa alam ini (1) *makhlūq ḥādith*, (2) *kaun ḥālik fānin musakhkhar musayyar*, (4) *kaun jamīl bāhir*, (5) *kaun ṣadīq li al-ḥayāh wa al-aḥyā'*, *ma'nūs li-al-insān bi-wajh khāss*, (6) *kaun muslim ṭā'i' li-Rabbih wa mu'min 'ābid li-Maulāh*. (idem. h. 323-359), kita berhadapan dengan suatu kerangka ontologi dan kosmologi yang unik yang boleh ditanggapi oleh orang-orang yang menggunakan akalanya dengan cara yang betul (*qaum ya'qilūn*) dan golongan intelek murni (UA) yang mengkaji “Kitab Terbuka” itu dengan berasaskan akidah Tauhid dan taqwa, disamping mereka mendalami (*tadabbur*) kitab al-Qur'an, kitab yang diturunkan oleh wahyu (*al-kitāb al-munazzal*).

Perspektif yang komprehensif (*shumūl*) dan bersepadu (*takāmul*) inilah yang telah menggabungkan ilmu agama dengan ilmu dunya dan ilmu alam tabi‘i sebagai asas pembangunan peradaban manusia yang persepadu dizaman kegemilangan tamadun Islam yang telah melahirkan tokoh-tokoh sains tabi‘i yang hebat dan berjasa besar seperti Jābir ibn Ḥayyān (721-815 M), al-Khawārizmi (770-840 M), al-Kindī (800-873 M), al-Rāzī (864-930 M), al-Zahrawī (936-1013 M), Ibn al-Haitham (965-1040 M), al-Bīrūnī (973-1048 M), Ibn Sīnā (981-1037 M), al-Zarqālī (1028-1087 M), Ibn Zuhri (1091-1161 M), Ibn Rushd (1128-1198 M), Jazarī (1205 M), Athīr al-Dīn al-Abharī (1240 M), Mu‘ayyad al-Dīn al-‘Urḍī (m. 1266 M), Nāṣir al-Dīn al-Ṭūsī (1201-1274 M), Ibn al-Nafīs (m. 1288), Quṭb al-Dīn al-Shīrāzī (m. 1311 M), Ibn al-Shāṭir (m. 1375 M), al-Qushjī (m. 1474M), Shams al-Dīn al-Khafīrī (m. 1550 M), Ibn al-Baiṭar (m. 1248 M), Kamāl al-Dīn al-Fārisī (m. 1320 M) dan lain-lain dalam bidang mekanika, logik, matematik, astronomi, optik, farmakologi dan perubatan. Perlu diulangi disini apa yang pernah dijelaskan oleh Robert Briffault dalam bukunya *The Making of Humanity* (1919) seperti berikut:

“The debt of our science to that of the Arabs does not consist in startling discoveries or revolutionary theories, science owes a great deal more to Arab culture, it owes its existence. The Astronomy and Mathematics of the Greek were a foreign importation never thoroughly acclimatised in Greek culture. The Greeks systematised, generalised and theorised, but the patient ways of investigation, the accumulation of positive knowledge, the minute method of science, detailed and prolonged observations and experimental enquiry were altogether alien to the Greek temperament. Only in Hellenistic Alexandria was any approach to scientific work conducted in the ancient classical world. What we call science arose in Europe as a result of a new spirit of enquiry, of new methods of experiment, observation, measurement, of the development of Mathematics,

in a form unknown to the Greeks. That spirit and those methods were introduced into the European world by the Arabs.” (Robert Briffault, 1919).

Tidak hairanlah kenapa pemikir-pemikir Islam di abad ke 20 khususnya, dari Muhammad Iqbal sampai ke Dr. Yusuf al-Qaraḍāwī hari ini menekankan betapa pentingnya ilmu agama dan ilmu sains digabungkan semula dalam sistem pendidikan Islam, dengan peringatan bahawa landasan epistemologi ilmu sains tabi’i atau ilmu kemasyarakatan dalam tradisi Islam adalah landasan epistemologi Tauhidik yang menjadi asas paradigma ilmu pengetahuan alternatif kepada ontologi, kosmologi, epistemologi sekular, atheistik, materialistik atau humanistik. Inilah yang diperjuangkan oleh ahli-ahli sains Islam yang berlandaskan perspektif Tauhidik dan aliran pemikiran “Islamisasi Ilmu Pengetahuan Manusia Masa Kini” (*Islāmiyyat al-Ma‘ārif*, atau *Islām al-Ma‘ārif* atau *Al-Ittijāh al-Ta’sīlī li-al-‘Ulūm* atau *Al-Manzūr al-Islāmī li-al-‘Ulūm*).

Oleh kerana al-Qur’ān al-Karim mengkehendaki supaya akal orang-orang Islam menjadikan dua kitab iaitu Qur’an dan “Kitab Alam Terbuka” sebagai sasaran utama pemikiran, perenungan, kajian dan sumber penimbaan ilmu untuk mengimarahkan bumi dan alam bagi menjalankan fungsi Khalifah di atas bumi Allah (S.W.T.) dan mencapai kebaikan di dunia dan kebaikan di Akhirat, maka tugas mempelajari kedua-duanya (“*al-jam‘ baina al-qirātain*”) menjadi semakin mendesak dewasa ini, kerana wujudnya krisis-krisis peradaban moden yang paling getir dan bermahajalela akibat daripada paradigma sains sekularistik diseluruh dunia termasuk negeri orang-orang Islam sendiri.

Namun sudah ada tanda-tanda bahawa beberapa cendekiawan dan sarjana Barat moden mulai mengakui bahawa kesedaran keagamaan dan ketuhanan menjadi semakin meluas seperti yang dapat dilihat dalam buku Peter Berger, *The Return of the Sacred, The Desecularization of*

the World (1999), Karen Armstrong, *The Case for God* (2009) dan terakhir buku John Micklethwait dan Adrian Woolridge (editor majalah *Economist*), *God is Back* (2009), walaupun golongan New Atheists seperti Sam Harris, Richard Dawkin dan Christopher Hitchens berusaha menerbitkan buku seperti a) *The End of Faith: Religion, Terror, and the Future of Reason* (2004), b) *The God Delusion* (2006) dan *God Is Not Great: How Religion Poisons Everything* (2007).

Dalam pengamatan Sayyid Qutb, Ayat 190 Sūrah Āl ‘Imrān menjelaskan wujudnya hubungan yang erat antara fitrah insan dan fitrah alam semesta yang dicipta Allah (S.W.T.) sehingga hubungan insan dengan Tuhan alam semesta menjadi “satu daripada tiang-tiang pandangan semesta Islam terhadap kewujudan” (“*fahiya rakīzah min rakā’iz al-taṣawwur al-islāmī li-al-wujūd*”) (*Fī Zilāl al-Qur’ān*, Jld. 2, 187). Kata beliau:

“Konteks Qur’ani disini menggambarkan langkah-langkah gerakan jiwa yang muncul dari responnya terhadap pemandangan fenomena langit dan bumi, dan pergantian malam dan siang dalam perasaan UA, dengan gambaran yang halus.... ia menjuruskan kalbu kearah metodologi yang tepat dalam berinteraksi dengan alam semesta.... Dengan demikian ia menjadikan Kitab Alam Semesta Terbuka itu suatu Kitab Ilmu Pengetahuan (*kitāb ma‘rifah*) bagi manusia beriman yang menjalin hubungan dengan Allah dan apa yang diciptakan oleh tangan Allah.”
(h.189)

Dua hakikat penting, kata Sayyid Qutb, dapat disimpulkan daripada ayat tersebut. Hakikat pertama ialah “perbuatan memikirkan (*tafakkur*) penciptaan Allah (S.W.T.) terhadap makhluk Nya, merenungkan (*tadabbur*) Kitab Alam Terbuka, menyelusuri “tangan” Allah yang menciptakan dan menggerakkan alam semesta ini, dan membolak balik halaman-halaman Kitab

(Alam Terbuka) ini, -- merupakan ibadah kepada Allah, malah intinya sebuah perhambaan – (*min ṣamīm al-dhikr*)” (*idem*.190). Tetapi pandangan semesta kekufuran atau kemusyrikan yang mendasari ilmu sains moden “memutuskan hubungan antara alam semesta dengan Penciptanya, dan memutuskan hubungan antara ilmu-ilmu alam tabi‘i dengan kebenaran yang azali dan abadi.” Dengan itu “bertukarlah ilmu – yang merupakan kurnian Allah yang paling indah – menjadi kutukan (Tuhan) yang mencengkam manusia dan mengubah kehidupannya menjadi neraka yang menyengsarakan....” (*idem*.190).

Hakikat kedua, menurut Sayyid Qutb, menunjukkan bahawa ayat-ayat Allah (S.W.T.) dalam alam semesta tidak menampakkan hakikatnya yang memberangsangkan itu kecuali kepada hati yang berzikir dan beribadah kepada Allah (S.W.T.) (*idem*.190). Intelek yang murni yang dimiliki oleh UA, *ūlū al-abṣār*, *ūlū al-‘ilm*, *alladhīna ūtū al-‘ilm*, *al-rāsikūna fī al-‘ilm*, *‘ālimūn*, *qaum ya‘qilūn* dan *‘ulamā’* memahami tanda-tanda dan bukti-bukti kekuasaan Allah (S.W.T.) dan kebijaksanaan Nya yang terdapat disebalik fakta dan fenomena alamiah yang menjadi sasaran ilmu sains moden, kerana ia bersih daripada unsur-unsur kufur, syirik, takabbur, ujub, riya’, pengaruh hawa nafsu, syak, *ẓann*, emosi-emosi yang merosakkan dan penyelewangan-penyelewangan hasil pujukan Syaitan.

Ini bermakna bahawa para ilmuwan dan cendekiawan dalam semua bidang ilmu pengetahuan duniawi yang berguna boleh mencapai tahap pemikiran golongan tersebut diatas dengan syarat mereka bersedia untuk melakukan reformasi intelek atau pembinaan akal yang disinari dan dibimbingi oleh cahaya iman kepada Hakikat Yang Tidak Boleh Ditanggapi Oleh Pancaindera dan kepercayaan kepada wahyu Ilahi sepenuhnya dan berpegang kepada prinsip Taqwa kepada Allah (S.W.T.).

Dalam hubungan ini, perlu diperjelaskan bahawa “Ilmu yang disanjung oleh al-Qur’an dan diberi perhatian oleh ayat-ayatnya merangkumi setiap ilmu pengetahuan yang dengannya hakikat-hakikat semua perkara akan terserlah, dengannya juga tingkap kejahilan dan keraguan akan ditarik daripada akal insan, sama ada objek kajiannya mengenai alam semesta dan tabi‘i, atau mengenai manusia, atau mengenai perkara wujud atau perkara ghaib, sama ada cara memperolahi pengetahuan itu melalui panca indera atau perkara ghaib, sama ada cara memperoleh pengetahuan itu melalui panca indera atau eksperimen, atau melalui penggunaan akal dan pembuktian, atau melalui wahyu dan kenabian.”(al-Qarāḍāwī, *al-‘Aql wa al-‘ilm fī al-Qur‘ān al-Karīm*, 149).

Sebagaimana tidak benarnya pendapat orang-orang berfaham sekular bahawa ilmu pengetahuan hanya terbatas kepada apa yang boleh diketahui melalui pemerhatian indrawi dan eksperimen, maka tidak benar juga sangkaan “sesetengah orang Islam yang kuat beragama” bahawa “ilmu” dalam al-Qur’an hanya merujuk kepada ilmu agama. (*idem*, 149).

Banyak sekali ayat-ayat al-Qur’an yang menunjukkan bahawa perkataan “ilmu” merangkumi pelbagai jenis bidang ilmu pengetahuan (Q. 6:97, 30:22, 29:43, 35:27,28, 10:5, 27:50-52, 7:32, 28 dan lain-lain). Dalam Sūrah al-Fātir (35) ayat 27 dan 28, istilah “al-‘ulamā” dikaitkan dengan beberapa fenomena alamiah:

}

{

“Tidakkah kamu melihat bahawasanya Allah menurunkan hujan dan langit lalu kami hasilkan dengan hujan itu buah-buahan yang beraneka macam jenisnya. Dan di antara gunung-gunung itu ada garis-garis putih dan merah yang beraneka macam warnanya dan

ada (pula) yang hitam pekat. Dan demikian (pula) di antara manusia, binatang-binatang ternak ada yang bermacam macam warnanya (dan jenisnya). Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hambaNya hanyalah ulamak. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Pengampun” (Q. 35:7-28).

Siapakah yang dimaksudkan dengan *al-‘ulamā’* dalam ayat ini? Sayyid Qutb menerangkan bahawa *al-‘ulamā’* dalam konteks ini ialah “para ilmuwan (atau bijak pandai) yang ‘membacanya’, memahaminya dan mendalaminya – merekalah yang takut kepada Allah.” (*Fī Zilāl al-Qur’ān*, Jld. 6, 698). Fenomena dan kepelbagaian yang wujud dalam alam semesta diibaratkan oleh Sayyid Qutb sebagai “lembaran-lembaran” daripada Kitab Alam Semesta yang boleh “dibaca” oleh mereka yang menjadi ahli dalam bidang-bidang pengkhususan mereka. Dari “bacaan” para ilmuwan itu “mereka mengenali Allah (S.W.T.) dengan pengetahuan yang sebenarnya. Mereka mengenali Allah (S.W.T.) dari kesan-kesan ciptaanNya, dan mereka menanggapiNya dari kesan-kesan KuasaNya... lalu mereka merasa takut kepadaNya dengan sesungguhnya, bertaqwa kepadaNya dengan sesungguhnya dan mengabdikan diri kepadaNya dengan sesungguhnya” (*idem*.698). Segala kepelbagian, keajaiban dan keteraturan yang wujud dalam alam fizikal ini “hanya” boleh dimengerti oleh mereka yang benar-benar mengetahui kitab ini (*lā yudrikuhā illa al-‘ulamā’ bi-hādha al-kitāb*), para ilmuwan yang mengetahuinya dengan ilmu yang berkaitan langsung (*‘ilman wāṣilan*), pengetahuan yang dirasakan oleh hati dan mengarahkannya. Lalu ia melihat menerusnya tangan Allah yang mencipta kepelbagian warna, bentuk dan keteraturan dalam alam semesta yang indah itu.” (*idem*.698)

Dalam mentafsirkan ayat ini, Dr. Yūsuf al-Qaradāwī terang-terang mengatakan bahawa:

"قالعلماء هنا - كما يبدو من السياق- ليسوا هم علماء الدين، وفقهاء الشريعة، على فضلهم ومكانتهم. وإنما هم الذين يعرفون آيات الله، ويكتشفون سُنَّته في خلقه، فيما ذكر من السماء، والنبات، والجبال، والناس، والدواب، والأنعام، أى الذين يعرفون عظمة الله من خلال معرفتهم بالسماء وعلم الفلك، ومن خلال معرفتهم بالجبال وعلم الأرض (الجيولوجيا)، ومن خلال معرفتهم بعلوم الإنسان، وعلوم الحياة من نبات وحيوان، ومن خلال هذه المعرفة الحقيقية يخشون الله، إذ لا يخشى الله ويخاف مقامه حقاً إلا من عرفه سبحانه.

وقال تعالى: {

{

فتفصيل الآيات هنا إنما ينتفع به الذين يعلمون أسرار الله في هذه الظواهر الكونية، من جعل الشمس ضياءً فيها النور والحرارة، والقمر نوراً لأنه يستمد نوره من الشمس، ومن تقدير القمر منازل لمعرفة عدد السنين والحساب". (al-Qaraḍāwī, 151)

Ringkasan terjemahannya ialah:

“Sebagaimana yang ternyata dari konteks ayat berkenaan, ‘*al-‘ulamā*’ disini tidak berarti ‘*ulamā*’ ilmu agama, dan fuqahā’ ilmusharī‘ah meskipun mereka memiliki kelebihan dan kedudukan penting”. Merekaalah yang benar-benar mengetahui ayat-ayat Allah (S.W.T.) dalam alam tabi‘i yang diperolehi melalui ilmu geologi, ilmu astronomi, ilmu anthropologi, ilmu biologi dan ilmu haiwan. Merekaalah yang boleh mendapati manfaat daripada sumber-sumber alamiah itu kerana “mereka mengetahui rahsia-rahsia Allah yang terdapat pada fenomena-fenomena alam tabi‘i yang berkaitan dengan cahaya matahari...dan bulan....”. (al-Qaraḍāwī, 151)

Pendapat Shaikh Muḥammad Mutawwalī al-Sha‘rāwī juga menyokong pandangan di atas:

{

والعلم إما علم شرعي، وهو علم الأحكام: الحلال والحرام والواجب والسنة.. الخ. أو علم الكونيات، وهذه الآية وردت في سياق الحديث عن آيات كونية ولم يُذكر قبلها شيء من أحكام الشرع؛ لذلك نقول: إن المراد بالعلماء هنا العلماء بالكونيات والظواهر الطبيعية، وينبغي أن يكون هؤلاء هم أخشى الناس لله تعالى؛ لأنهم أعلم بالآيات الكونية في: الجمادات، والنبات، وفي الحيوان، والإنسان، وهم أقدر الناس على استنباط ما في هذه الآيات من أسرار الله تعالى. وكونيات الوجود هي الدليل على واجب الوجود، وهي المدخل في الوصول إلى الخالق سبحانه وإلى الإيمان به؛ لذلك كثيراً ما نجد في القرآن:

{

}

[الروم: 23].

{

}

[النحل: 43]

فأهل الذكر في العلوم الشرعية غير أهل الذكر في العلوم الكونية، ويجب أن يحترم كل منهما تخصص الآخر في مجاله، ولا يُنسَى علماء الشرع أن علماء الكونيات هم الذين يكتشفون لنا أسرار الله في الخلق، وهم الذين يُرَبُّون في نفوسنا أدلة الإيمان بواجب الوجود الذي تصدر عنه أحكام الحلال والحرام.

(al-Sha‘rāwī, <http://www.altafsir.com/>)

Jelaslah bahawa mempelajari ilmu-ilmu sains tabi‘i, termasuk ilmu metamatik menjadi satu saluran penting untuk mengenali dan mengabdikan diri kepada Allah (S.W.T.) dan menjadi lebih bertaqwa kepadaNya. Dengan demikian kesempurnaan pendidikan ummat Islam, selaku “Ummah Yang Terbaik” untuk mengurus sumber-sumber alam anugerah Ilahi kepada hamba dan khalifahNya, disamping mengurus kehidupan dan peradaban berdasarkan agama Allah (S.W.T.) menuntut agar isi kandungan alam semesta – dipelajari dan dikuasai dengan sebaik-

baiknya. Inilah yang menjadi inti risalah aliran “*al-Isḥāḥ wa al-Tajdīd*” dalam dunia Islam dan yang ditegaskan oleh resolusi *Konferensi Pendidikan Islam Sedunia Pertama* yang berlangsung di Makkah al-Mukarramah pada tahun 1977.

Tuntutan Semakin Mendesak

Dengan wujudnya dan berkembangnya sekolah-sekolah agama model integratif di Malaysia, Indonesia, Filipina Selatan, Brunei dan lain-lain negara di Asia Pasifik, dan bertambah banyaknya institusi-institusi pengajian tinggi model integratif dan komprehensif kepunyaan kerajaan atau bukan kerajaan, dan semakin bertambahnya jumlah ilmuwan, cendekiawan dan buku-buku yang menitikberatkan wawasan keintelektualan murni yang menyatukan akal dengan iman dan taqwa, usaha kearah merealisasi citra keilmuan dan kecendekiawanan model UA, insya Allah, akan menjadi lebih lancar, tersusun dan berhasil. Wacana Islamisasi Ilmu Pengetahuan Manusia semasa pun kelihatan semakin mendapat sambutan di Malaysia, Bangladesh, Indonesia, Mesir, Morocco dan juga Nigeria, walau pun masih banyak terdapat ranjau-ranjau sepanjang jalan.

Kami percaya bahawa krisis dalaman yang berpanjangan dalam dunia Islam dan kegagalan yang terserlah dari paradigma modernisme dan moderniti sekular dengan gejala-gejala “barah” yang *epistemic* dan *systemic* dalam kegawatan ekonomi global dewasa ini; kezaliman sistem politik hegemonik, monopolar dan unilateral yang terus membela kebiadaban dan keangkuhan Zionisme Antarabangsa; sistem pendidikan tinggi yang sudah di rasuk oleh virus ganas paradigma pasaran bebas sehingga universiti harus menjadi kilang pencetak kertas diploma atau tunduk kepada asakan “The Religion of the Market”; badai gelombang budaya hedonistik dan *sensate* dengan media yang sudah hilang nilai-nilai murni – merupakan tanda-tanda bahawa tamadun global yang dibina diatas falsafah dan pandangan hidup humanisme

sekular dan rasionalisme liberal sedang menuju kearah kemusnahan yang fatal. Keadaan ini membuka peluang untuk paradigma Tauhid mengambil alih sebagai paradigma alternatif dan sebagai penyelamat peradaban insan yang disesatkan oleh kekufuran, kesyirikan, kemunafikan, kekebalan, keangkuhan dan kejahilan akal manusia moden yang diputuskan hubungannya dengan hidayah dan wahyu Ilahi.

Kita dapat membaca kegelisahan dan keresahan yang mendalam dalam tulisan-tulisan beberapa sarjana dan pemikir-pemikir Barat seperti Noam Chomsky (*Chomsky on Miseducation*, 2004), Edmund O’Sullivan (*Transformative Learning: Educational Vision of the 21st Century*, 1999), Richard Tarnas (*The Passion of the Western Mind*, 1991) Harry R. Lewis (*Excellence without a Soul: How a Great University Forgot Education*, 2006), Alan Greenspan (*The Age of Turbulence*, 2008), Immanuel Wallerstein (*The End of the World as We Know It*) *Social Sceince for the Twenty-First Century*, 1998), Ilya Prigogine (*The End of Certainty*, 1997) dan lain-lain lagi.

Kemunculan generasi ilmuwan, cendekiawan dan pemimpin yang berilmu, beriman dan bertaqwa adalah harapan dunia Islam dan juga tamadun manusia masakini. “**Mengulamakkan intelektual dan mengintelektualkan ulamak**” sudah lama menjadi slogan aliran reformis di Indonesia tetapi hasilnya masih belum memuaskan, kerana kendala-kendala sosial, politik dan struktural masih merupakan cabaran yang besar. Matlamat yang paling ideal tentunya kejayaan ummat Islam melahirkan generasi baru yang boleh membaca, memahami, menghayati Dua Kitab Besar – al-Qur’ān al-Karīm dan Alam Semesta secara bersepadu. Ini memerlukan perancangan yang baik kerana ia melibatkan transformasi dalam pendidikan keluarga, sistem pendidikan nasional, sistem latihan guru dan pensyarah, perubahan kurikulum, penyediaan buku-buku teks agama yang berkaitan dan relevan dengan ilmu alam tabi’i dan buku-buku teks

sains yang disinari oleh pandangan semesta Tauhid dan harmonis dengan nilai-nilai agama Islam. Kehadiran lebih banyak sekolah-sekolah model UA di Malaysia dan di lain negara mudah-mudahan akan melebarkan lagi kesadaran tentang perlunya model integratif yang Tauhidik ini dijadikan suatu produk pendidikan alternatif bagi menghadapi masa depan yang semakin menggusarkan.

D. KELALAIAN KITA TENTANG AYAT-AYAT ALLAH PADA ALAM TABI' I DAN DIRI MANUSIA

Dalam hal ini, kami ingin memberikan beberapa petikan daripada buku Dr. Agus Purwanto, seorang ahli sains Muslim Indonesia dalam bidang ilmu fizik teoretikal yang mendapat Ph.Dnya dari Universiti Hiroshima, yang berjudul *Ayat-Ayat Semesta Sisi-Sisi Al-Qur'an yang Terlupakan*,(2008):

“Di dalam tafsirnya, Al-Jawahir, Syaikh Thanthawi menulis bahawa di dalam Kitab Suci Al-Qur'an terdapat lebih dari 750 ayat kauniyah, ayat tentang alam semesta, dan hanya sekitar 150 ayat fikih. Anehnya, para ulama telah menulis ribuan kitab fikih, tetapi nyaris tidak memerhatikan serta menulis kitab tentang alam raya dan isinya.

Umat dan para ulama banyak menghabiskan waktu untuk membahas persoalan fikih, dan sering kali berseteru serta bertengkar karenanya. Mereka lalai atas fenomena terbitnya matahari, beredarnya bulan, dan kelip-kelipnya bintang. Mereka abaikan gerak awan di langit, kilat yang menyambar, listrik yang membakar, malam yang gelap gulita, dan mutiara yang gemerlap. Mereka juga tak tertarik pada aneka tumbuhan di sekitarnya, binatang ternak maupun binatang buas yang bertebaran di muka bumi dan aneka fenomena serta keajaiban alam lainnya.” (Agus Purwanto, 24).

.....

“Negara-negara Islam atau Negara berpenduduk mayoritas Muslim seperti Indonesia umumnya memiliki kekayaan sumber daya alam melimpah. Tetapi melimpahnya sumber

daya alam tersebut tidak berarti kemakmuran dan kesejahteraan bagi masyarakat Muslim. Indonesia yang dikenal sebagai negeri dengan penduduk Muslim terbesar di dunia justru terlilit utang dan menjadi pemasok tenaga kerja kasar. Sumber daya laut yang sedemikian besar terabaikan dan sumber daya tambang baik minyak maupun emas tidak terkelola sendiri, tetapi meminta bantuan orang asing. Sebabnya satu, kita umat Islam tidak menguasai ilmu pengetahuan baik teoritis maupun praktis.

Sebagai ilustrasi, tahun 2000 lalu, Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO) melaporkan bahwa sebanyak 57 negara Islam bergabung dalam OKI dan memiliki sekitar 1,1 miliar penduduk atau 20 persen penduduk dunia, mendiami wilayah seluas 26,6 juta kilometer persegi dan menyimpan 76 persen cadangan minyak dunia memiliki GNP hanya sebesar 1,016 miliar dolar AS. Suatu angka yang sangat kecil jika dibandingkan dengan GNP Negara maju seperti Prancis yang berpenduduk kurang dari 60 juta jiwa mendiami wilayah sekitar setengah juta kilometer persegi dan mempunyai GNP sebesar 1,293 miliar dolar AS.

Kenyataan tersebut terjadi karena Negara-negara maju termasuk Prancis mendasarkan pertumbuhan ekonominya pada iptek, sementara negara-negara Islam hanya bergantung pada *input* yang bersifat kualitatif semata. Dunia Islam yang pernah menjadi raksasa di bidang sains dan teknologi sampai Abad Pertengahan, kini memasuki millennium ketiga hanya tampil sebagai bangsa-bangsa pinggiran dan serpihan belaka.” (Agus Purwanto, 25).

.....

“Perhatian negara-negara Islam terhadap sains dan pengembangannya masih sangat rendah. Merujuk data Science Citation Index 2004, 46 negara Islam memberi kontribusi 1,17 persen pada penerbitan karya ilmiah dunia. Angka ini masih lebih rendah dibandingkan dengan sumbangan satu Negara seperti India dan Spanyol yang masing-masing 1,66 persen dan 1,48 persen. 20 negara Arab menyumbang 0,55 persen dari total karya ilmiah dunia, sedangkan Israel menyumbang 0,89 persen. Sementara negara-negara maju seperti Jerman, Inggris, atau Jepang berturut-turut menyumbang 7,1 persen, 7,9 persen, dan 8,2 persen, apalagi Amerika 30,8 persen.

Masalah tersebut terkait dengan anggaran yang disediakan untuk kepentingan pengembangan sains dan teknologi, termasuk kegiatan riset dan pengembangan serta dukungan atas aktivitas ilmiah lainnya. Negara-negara Islam hanya mengalokasikan anggaran belanja sebanyak 0,45 persen dari GNP, sedangkan negara-negara maju yang tergabung dalam Organization for Economic Cooperation and Development (OECD) menghabiskan dana sebanyak 2,30 persen dari GNP untuk keperluan yang sama. Ketersediaan sumber daya manusia untuk mendukung kegiatan riset dan pengembangan di negara-negara Islam juga terbatas. Secara rata-rata, negara-negara Islam memiliki 8,8 ilmuwan, insinyur, dan teknisi per 1.000 penduduk dibandingkan dengan negara-negara OECD yang memiliki 139,3 atau 40,7 di negara-negara maju di luar OECD.” (Agus Purwanto, 27).

.....

“Ayat-ayat kauniah meskipun berjumlah sangat banyak tetapi terabaikan. Sains sebagai perwujudan normatif dari ayat-ayat kauniah seolah-olah tidak terkait dan tidak menghantar orang Islam ke surga atau neraka sahingga tidak pernah dibahas baik wilayah keilmuan maupun pangajian-pengajian.

Umat tetap abai terhadap ayat-ayat kauniah dan fenomena alam. Kenyataan ini cukup mengganggu dan memaksa penulis berpikir untuk mencari solusi bagaimana menumbuhkan kesadaran bahwa Allah melaui Al-Qur'an telah mengingatkan betapa urgennya memahami fenomena alam fisis dan membangun sains.” (Agus Purwanto, 28).

.....

E. BEBERAPA CADANGAN

Dipenghujung kertas ini, kami ingin mengemukakan cadangan seperti berikut:

- 1) Untuk menggalakkan lebih ramai pelajar Melayu memilih pelajaran sains sebagai jurusan pengkhukusan mereka dihari muka, mata pelajaran sains wajar

diperkenalkan dengan jenama baru sebagai “Ilmu Tentang Tanda-Tanda Allah (S.W.T.) pada alam dan manusia”.

2) Guru-guru sains dan matematik yang beragama Islam diberi pendedahan melalui kursus-kursus pendek, kepada **Pandangan Alam Semesta Ketauhidan** dan **Akhlak Ilmuan *Ūlū Al-Albāb*** yang terkandung didalam al-Qur'an dan al-Sunnah, sementara guru-guru mata pelajaran agama Islam diberi pendedahan, melalui kursus-kursus yang sama, kepada penemuan-penemuan ilmu sains tabi'ī mutakhir yang menakjubkan dalam pelbagai cabangnya yang bertujuan untuk mengukuhkan pegangan kepada akidah Tauhid dikalangan pelajar dan masyarakat awam.

3) Mewujudkan kerjasama antara Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dengan beberapa Majlis Agama Islam Negeri Malaysia dalam usaha menulis buku teks matapelajaran biologi, fizik dan kimia untuk sekolah menengah agama dari perspektif Pandangan Alam Semesta Ketauhidan bagi menggantikan asas epistemologi sains moden yang bersifat sekular, naturalistik, positivistik, deistik atau atheistik.

RUJUKAN

Badri, Malik. (2000). *Contemplation an Islamic Psychospiritual Study*. Kuala Lumpur: Medeena Books.

Briffault, Robert. (1919). *The Making of Humanity*. London: Allen & Unwin.

Heriyanto, Husain. (2011). *Menggali Nalar Saintifik Peradaban Islam*. Bandung: Mizan.

<http://www.altafsir.com>

al-Jazairy, Abu Bakar. (2001). *Ilmu dan Ulama Pelita Kehidupan dunia dan Akhirat*. Cairo: Daar Al Kutub As-Salafiyah.

Kirmani, M. Zaki. (2001) *The Qur'ān and Future of Science*. Delhi: Global Vision Publishing House.

Lewis, Harry R. (2006). *(Excellence without a Soul: How a Great University Forgot Education*. Public Affairs.

Purwanto, Agus. (2008). *Ayat-Ayat Semesta Sisi-Sisi Al-Quran Yang Terlupakan*. Bandung: Mizan.

al-Qaraḍāwī, Yūsuf. (1996). *Al-‘Aql wa al-‘Ilm fī al-Qur’ān al-Karīm*. Al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.

Qutb, Sayyid. (1971). *Fī Zilāl al-Qur’ān*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.

Qutb, Sayyid (1986). *Muqawwimāt al-Tasawwur al-Islamī*. Syria: Dar al-Shuruq.

Saefuddin, Ir. AM. (2002). *Islamisasi Sains dan Kampus*. Jakarta: PT PPA Consultants.

Saliba, George. (2007). *Islamic Science and the Making of the European Renaissance*. London: MIT Press.